

BAB 5

CABARAN ISLAM DI INDIA

Islam di seluruh dunia hari ini sedang berhadapan dengan cabaran yang cukup gentir kesan dari berbagai perkembangan yang berlaku dalam bidang ekonomi, sosial mahupun politik. Tidak sedikit negara Islam yang digelar sebagai ‘penganas’, fundamentalis dan seumpamanya. Hal ini sangat ketara apabila melihat kedudukan masyarakat Islam di India. Perangkaan pada tahun 1995 menunjukkan bahawa masyarakat Islam merupakan 17% dari penduduk India dengan jumlah seramai 16 juta orang. Dari jumlah ini, orang Islam hanya melahirkan 4% jumlah graduan sekolah tinggi dan 1.6% graduan peringkat kolej dan universiti. Masyarakat Islam juga hanya mempunyai 4.4% jumlah kakitangan kerajaan India serta 3.7% sahaja golongan pengusaha yang menerima bantuan kerajaan.¹⁶⁰

Pergolakan yang timbul di India pada hari ini adalah berpunca daripada kesan penjajahan British. Mereka berjaya menjalankan usaha pemisahan antara masyarakat India yang berbeza agama dengan menjalankan dasar “pecah dan perintah”. Ini penting agar masyarakat India tidak bersatu untuk menentang mereka. Bagi menentang penjajah, pertikaian antara Hindu dan Islam hendaklah didiamkan terlebih dahulu. Ini bagi mengelakkan daripada berlaku rusuhan dan pertentangan agama. Keadaan ini berlarutan sehingga zaman pasca-kemerdekaan.

¹⁶⁰ Azharudin Mohamed Dali, “Cabaran Masyarakat Islam sebagai Minoriti dalam Zaman Moden: Dengan penelitian ke atas Masyarakat Islam di India Pasca Kemerdekaan” dalam **Jurnal Yadim**, , Yayasan Dakwah Islam Malaysia, Kuala Lumpur, Jun 2002, hlm. 128.

Oleh kerana masyarakat Islam merupakan golongan minoriti, terdapat usaha mengkritik peranan Islam yang dianggap negatif. Namun keadaan ini menyebabkan satu bentuk ‘vacuum’ dalam sejarah pada hari ini.¹⁶¹

Kemerdekaan India yang diperolehi hampir serentak dengan kemerdekaan Pakistan membawa implikasi yang cukup besar dalam melihat kedudukan masyarakat Islam di India. Ini kerana, terdapat sebilangan masyarakat India yang merasakan bahawa masyarakat Islam telah menjadi penyumbang penting kepada keadaan kacau bilau yang berlaku menjelang pemisahan India. Tuntutan Liga Muslim serta Muhammad Ali Jinnah untuk memiliki sebuah ‘Negara Islam’ dilihat menjadi punca kepada keadaan tidak menentu tersebut. Malahan golongan ini menganggap baawa seluruh orang Islam di India hendaklah keluar dan menuju ke Pakistan. Hal ini tidak berlaku kerana sebilangan masyarakat Islam tetap memilih menjadikan India sebagai tanahair mereka. Kelompok inilah yang menerima tekanan yang cukup hebat. Dari sudut yang lain, fahaman yang menghendaki seluruh orang Islam keluar dari India kerana mereka telah diperuntukkan dengan sebuah negara. Fahaman ini sering timbul apabila wujud masalah komunal yang membabitkan kedua-dua komuniti.¹⁶²

¹⁶¹ [Http://India_resources.tripod.com/Islam.html](http://India_resources.tripod.com/Islam.html), hlm. 1

¹⁶² Azharuddin Mohamed Dali, ‘Cabaran masyarakat Islam sebagai minoriti dalam Zaman Modern, Dengan penelitian ke atas masyarakat Islam di India Pasca-kemerdekaan”, dalam **Jurnal Yadim**, hlm. 133-134.

Terdapat banyak cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Islam pada hari ini yang melibatkan cabaran dalaman dan luaran. Beberapa cabaran utama yang sering dihadapi pada hari ini meliputi cabaran dari segi politik, pendidikan, ekonomi dan moral atau sikap. Cabaran ini telah menjadi teras kepada peradaban India pada zaman kontemporari ini.¹⁶³

Cabaran moral sememangnya menjadi salah satu cabaran penting dalam peradaban negara India kontemporari. Ia menjadi tanggungjawab masyarakat Islam itu dalam membentuk masyarakat yang bermoral. Ajaran Islam utama melibatkan keadilan, kebebasan dan persamaan hak. Namun ajaran ini tidak dijalankan sepenuhnya. Ajaran Islam itu sendiri memberi tumpuan kepada keadilan sosial, ekonomi, kebebasan individu dan tanggungjawab kerajaan. Imam Al-Ghazali sendiri menyatakan bahawa “*as equally striving for earning on the one land and striving in the cause of God on the other*”. jadi ajaran Islam itu sendiri menyuruh masyarakat itu sering berkerjasama bagi menjaga kebajikan semua.¹⁶⁴

Namun, dalam menghadapi cabaran dalam peradaban India kontemporari, masyarakat Islam sering menjadi mangsa dimana kesetiaan mereka sering dipertikaikan. Ini jelas dalam kenyataan dibawah:

‘Namun kaum minoritas Muslim negara itu tetap pada posisi periferal. Persoalannya adalah apa juar yang telah diperlihatkan orang-rang Islam di India, tetapi selama masih Muslim jiwa

¹⁶³ Amer al-Roubaie, **Globalization and The Muslim World**, Malita Jaya Publishing House, Selangor, 2002, hlm. 90.

¹⁶⁴ Ibid., hlm. 93.

*nasionalisme mereka terhadap India masih dipertanyakan. Walhasil, kaum Hindu pun akhirnya meneruskan program Shuddinya –Indianisasi kaum Muslim—yang telah berlangsung puluhan tahun. Artinya, sebelum Muslim menjadi Hindu, mereka belum layak untuk disebut sebagai bangsa India.*¹⁶⁵

Sejak tahap awal kemerdekaan, orang Islam diminta untuk memaparkan kesetiaan mereka kepada negara. Isu-isu yang berlangsung yang membabitkan India-Pakistan akan secara pantas sahaja dikaitkan dengan kesetiaan orang Islam di India. Mereka dituntut untuk menunjukkan kesetian mereka dan jika sebaliknya mereka hendaklah keluar dari India.

Hal ini secara langsung menjelaskan peluang dan ruang orang Islam untuk bergerak di India. Malahan peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam juga terjejas kerana pandangan pesimis ini.¹⁶⁶ Keadaan ini menjadi semakin sukar apabila isu Kashmir masih terus berlangsung dan ia secara jelas membabitkan orang Islam di India. Hal ini pernah dinyatakan secara terang oleh Govind Ballabh Pant iaitu Ketua Menteri Uttar Pradesh, “*Every Muslim in India would be required to shed blood fighting the Pakistani hordes, and each one should search his heart now, and decided whether should migrate to Pakistan or not*”.

¹⁶⁵ Dhurorudin Mashad, **Agama Dalam Kemelut Politik**, hlm. 10

¹⁶⁶ Azharuddin Mohamed Dali, ‘Cabaran masyarakat Islam sebagai minoriti dalam Zaman Modern, Dengan penelitian ke atas masyarakat Islam di India Pasca-kemerdekaan’, dalam **Jurnal Yadim**, hlm. 134.

Lebih berat lagi mereka yang pada tahap awal menyokong perjuangan Muhammad Ali Jinnah dan Pakistan, namun sewaktu pemisahan telah kekal di India haruslah diberikan pengawasan rapi kerana bimbang golongan ini akan menjad musuh dalam selimut. Mereka juga dikehendaki menjalankan upacara mengangkat sumpah kesetiaan kepada India.

Diskriminasi terhadap kaum India Muslim tetap berlaku selepas zaman pasca kemerdekaan walaupun terdapat akta yang melindungi masyarakat minoriti di India. Ini dapat dilihat dalam Artikel 14 dimana persamaan kerakyatan tanpa diskriminasi dari segi agama, bahasa dan kasta. Artikel 26, 27 dan 28 memberi kebebasan untuk mereka menguruskan ajaran dan mengamalkan agama masing-masing.

Namun begitu walaupun terdapat undang-undang persamaan kerakyatan, kerajaan masih tetap menjalankan diskriminasi terhadap institusi masyarakat minoriti ini.¹⁶⁷ Bagi masyarakat muslim yang hidup sebagai golongan minoriti, mereka akan mengalami masalah yang sama iaitu diskriminasi. Ini disebabkan oleh faktor sejarah dan politik yang diselewengkan dan menganggap orang Islam ini sebagai kasar, ganas, tidak bertolak ansur dan sebagainya. Bagi golongan majoriti, mereka menganggap diri mereka sebagai golongan yang berkuasa,

¹⁶⁷ Abdul Monir Yaacob & Zainal Azam Abdul Rahman, **Muslims' Rights in Non-muslim Majority Countries**, Institut of Islamic Understanding Malaysia, Kuala Lumpur, 2002, hlm. 47.

bertolak ansur, bersifat sekular dan masyarakat moden. Golongan Islam dianggap bertentangan dengan sifat ini.¹⁶⁸

Abu Ali al-Banjari an-Nadwi telah menyentuh masalah umat Islam di zaman kontemporari dengan memberikan lima cabaran utama yang dihadapi oleh mereka iaitu dakwah, bahasa, pendidikan, ekonomi dan politik yang secara langsung menjadi cabaran besar kepada orang Islam di India.¹⁶⁹ Sejarah Perkembangan Islam di India menunjukkan ramai orang Hindu yang berminat untuk berpindah agama. Ini kerana Islam menyamaratakan di antara seluruh pengikutnya dan tidak terdapat sistem kasta dalam Islam seperti agama Hindu. Namun gerakan dakwah ini telah ditegangkan akibat terjadi pemisahan antara India, Pakistan dan Bangladesh.

Orang Hindu menganggap agama Islam sebagai agama musuh dan menganggap kehadiran umat Islam di Republik India sebagai *benalu* yang menumpang duduk di rumah orang lain.¹⁷⁰ Bagi mereka, orang Hindu sebagai tuan kepada rumah yang ditumpangi oleh orang Islam. Ini menyebabkan Islam sebagai agama dakwah hilang asas tersebut kerana ia hanya sebagai penumpang di India.¹⁷¹ Masalah dakwah ini telah merunsingkan hubungan antara Hindu-Islam di Meenakshipuram, Tamil Nadu pada tahun 1981 apabila seramai 1000 orang

¹⁶⁸ Akhbar S. Ahmed, **Islam Today**, I.B. Tauris Publishers, London, 2001, hlm. 164.

¹⁶⁹ Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 230-238

¹⁷⁰ Ibid., hlm 230-231

¹⁷¹ Azharudin Mohamed Dali, “Konflik Agama di India” dalam **Pemikir**, April-Jun 2001, hlm 135

Harijan telah memeluk Islam. Golongan radikal Hindu menganggap pengislaman ini sebagai satu ancaman kepada mereka.¹⁷²

Namun begitu, pengislaman golongan Harijan di Meenakshipuran adalah berkaitan dengan usaha golongan ini membebaskan diri daripada ikatan kasta. Kaum harijan kecewa dengan amalan kasta yang diamalkan oleh ajaran Hindu dalam kehidupan mereka. Walaupun dari segi politik penerapan kasta dan penggunaan *untouchable Caste* tidak diterap dalam kehidupan negara tetapi dari segi realitinya, golongan ini disisih oleh golongan Hindu yang berkasta tinggi. Ini jelas walaupun golongan ini mencapai status tinggi dalam jawatan, pendidikan dan ekonomi, mereka tetap digelar sebagai “kaum hina” yang tidak layak duduk dengan kasta lain. Ini menyebabkan golongan ini memeluk Islam kerana Islam menjanjikan kesamarataan taraf manusia dalam kehidupan.¹⁷³

Dalam masyarakat India secara umumnya segala peristiwa pertukaran agama Hindu kepada Islam dilihat dengan perasaan curiga. Walaupun pertukaran agama ini atas kerelaan mereka sendiri. Ini jelas dalam isu pegangan Bharti Borot penganut Hindu yang berusia 19 tahun telah memilih mengahwini Salim Shaik dan memeluk Islam serta menukar namanya kepada Firdous Bano telah menimbulkan satu kontroversi. Keluarga Bharti Borot telah membuat aduan kepada polis dan menyatakan bahawa anaknya diculik. Ini menyebabkan mereka menyerah diri kepada polis. Namun aktivis Hindu telah menjadikan isu ini

¹⁷² Dhurorudin Mashad, **Agama dalam Kemelut Politik**, hlm. 47

¹⁷³ Ibid., hlm 46-47.

sebagai satu isu ‘pengislaman’ seorang wanita Hindu. Kejadian ini berakhir dengan tragedi apabila Bharti membakar diri dalam tahanan polis.¹⁷⁴ Keadaan ini berlaku kerana wujudnya perasaan anti islam dalam diri masyarakat Hindu.

Dalam Islam itu sendiri, pendidikan menjadi satu unsur yang penting. Masyarakat Islam digalakkan menceburi bidang ini terutamanya dalam bidang sains, sastera, kejuruteraan, astronomi, matematik dan perubatan. Konsep ilmu pengetahuan ini telah wujud 880 kali dalam al-Quran yang membolehkan masyarakat Islam mendalami ilmu pengetahuan. Nabi Muhammad S.A.W. sendiri menggalakkan masyarakat Islam mengembara sehingga ke negeri China bagi mencari ilmu pengetahuan dan mengukuhkan Islam. Namun pada zaman kontemporari ini, negara Islam kurang memberi tumpuan kepada mempertingkatkan pendidikan mereka walaupun menghadapi cabaran ekonomi global. Terdapat lagi masyarakat yang buta huruf di kalangan masyarakat Islam terutamanya di India. Kepentingan pendidikan ini jelas melalui penyataan Naquib Mahfous:

“ The strength of a country is no longer measured by its military might, size of population, geographical situation, or material resources. The strength of a country is measured by the wealth of its scholars and its scientists, by its innovative capabilities and abilities to discover, achieve and apply.”¹⁷⁵

¹⁷⁴ Azharuddin Mohamed Dali, ‘Cabaran masyarakat Islam sebagai minoriti dalam Zaman Modern, Dengan penelitian ke atas masyarakat Islam di India Pasca-kemerdekaan’, dalam **Jurnal Yadim**, hlm. 136.

¹⁷⁵ Amer al-Roubaie, **Globalization and The Muslim World**, hlm. 91-92.

Cabarannya pendidikan itu sendiri bermula sejak dari zaman penjajah lagi. Bermula pada tahun 1935, di bawah kuasa Syarikat Hindia Timur Kompeni, satu enakmen di bentuk di mana bahasa Inggeris menjadi bahasa politik dan aktiviti ekonomi. Menjelang separuh akhir abad ke-19, bahasa Inggeris menjadi bahasa utama di India dan digunakan sebagai media perhubungan bagi ahli-ahli reformasi. Ahli politik India meminta bahasa Inggeris digantikan dengan bahasa ibunda di India. Oleh kerana 14 bahasa utama telah digunakan di India, maka bahasa Hindi lebih banyak digunakan oleh masyarakat India. Namun terdapat masalah serius apabila 55 peratus daripada populasi India terdiri daripada masyarakat bukan menggunakan bahasa Hindi. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk bukan berbahasa Hindi. Ini telah membawa kepada demonstrasi secara senyap dalam masyarakat awam, hartals (penutupan kedai) dan lain-lain lagi.¹⁷⁶

Cabarannya dalam pendidikan ini jelas dinyatakan oleh Abu Ali al-Banjari an-Nadwi dimana beliau menyatakan bahawa “*pihak yang bertanggungjawab dalam menyusun dan mengarang buku teks pelajaran adalah semata-mata menanam fahaman Hindu dalam buku teks yang diolah. Tidak ada sama sekali menunjukkan keraian [sic] kepada masyarakat yang berbilang kaum.*”¹⁷⁷ Keadaan ini bertambah menyedihkan apabila berlaku pembohongan fakta sejarah yang telah dijadikan dasar pemikiran dan falsafah pendidikan negara. Peranan

¹⁷⁶ Paul R. Dettman, **Tryst with Destiny**, Times Book International, Singapore, 1997, hlm. 77.

¹⁷⁷ Abu Ali al-Banjari an-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm 231.

pahlawan-pahlawan Islam serta kerajaan-kerajaan Islam telah dipinggirkan dalam pendidikan. Sejarah Islam tidak diberi perhatian dalam konteks pendidikan¹⁷⁸

Keadaan ini diburukkan dengan usaha golongan fanatik Hindu dalam *Parti Bharatiya Jnata (BJP)* dan *Rashtriya Swayamserat Sangh (RSS)* yang berusaha untuk “mengubah” sejarah dengan menulis pengalaman sejarah India mengikut persepsi mereka. Usaha ini jelas kelihatan pada tahun 1999 dimana setiap sekolah dikehendaki memulakan persekolahan dengan upacara “*reciting Hindu Prayers*”¹⁷⁹. Pada tahun 2001, golongan ini juga cuba mengubah teks sejarah India yang menekan kepada Hinduisme dan memperlihatkan zaman Islam sebagai zaman yang penuh dengan kekejaman.¹⁸⁰ Bahasa Sanskrit akan menjadi matapelajaran wajib bagi setiap pelajar. Malah di Gudjarat, buku teks sekolah mengatakan bahawa orang Islam, Kristian dan Parsi merupakan ‘orang asing’ di India.¹⁸¹

Tekanan terhadap orang Islam di India semakin ketara apabila terdapat unsur-unsur elemen anti-Islam. Ini jelas dalam penulisan Baljit Singh dalam bukunya yang bertajuk *Muslim Fundamentalism in the Indian Islam* sebagai “masyarakat ganas”. Ini jelas dalam kenyataan penulis bahawa “*The Punjabi Moslems of Pakistan have turned out to be the most ruthless killer group during*

¹⁷⁸ Ibid., hlm 232.

¹⁷⁹ **New Sunday Times**, 19 August 2001.

¹⁸⁰ Azharuddin Mohamed Dali, ‘Cabaran masyarakat Islam sebagai minoriti dalam Zaman Moden, Dengan penelitian ke atas masyarakat Islam di India Pasca-kemerdekaan’, dalam **Jurnal Yadim**, hlm. 133-134.

¹⁸¹ Ibid.

the post-partition history of the Indian subcontinent".¹⁸² Buku ini telah diterbitkan pada tahun 1991.

Kesedaran untuk melindungi pendidikan Islam telah menyebabkan *Association for Promoting Education and Employment of Muslims* telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1994. Ini dilakukan oleh beberapa tokoh Islam yang penting termasuklah Syed Shahabudin , Syed Hamid, Ebrahim Sulaiman Sait dan Maulana Mohamad Shafi Moonis. Antara lain, pertubuhan ini mengesyorkan agar masyarakat Islam hendaklah diberikan tempat khas dalam pendidikan mahupun pekerjaan. Meskipun ia menerima tentangan hebat daripada BJP mereka masih berusaha untuk meningkatkan sistem pendidikan Islam.

Salah satu cabaran gentir yang mewarnai peradaban India kontemporari ini merupakan isu bahasa. Bahasa Urdu merupakan bahasa umat Islam India dan bahasa rasmi kerajaan Islam India yang menggantikan bahasa Persia. Ia lahir hasil daripada kacukan bahasa Sanskrit, bahasa Arab, Bahasa Parsi dan bahasa Turki. Ia telah menjadi bahasa yang digemari oleh para penulis dan satu-satunya bahasa yang digemari penduduk India. Ia menjadi bahasa kedua dan menjadi bahasa rasmi sekolah, pejabat dan mahkamah sehingga sejak kedatangan Sir Anthony Mac Donald, Gabenor di Uttar Pradesh.¹⁸³

¹⁸² Dipetik daripada <http://www.swordoftruth.com/BOOKREV/mfiris.html>.

¹⁸³ Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, *Sejarah Perkembangan Islam di India*, hlm. 232-233.

Cabarani ini menjadi semakin serius apabila wujud konflik antara Hindu dan Islam yang ingin menggantikan bahasa Urdu sebagai bahasa utama. Ini telah menjadi satu isu yang besar di India. Ia juga menjadi satu cabaran kepada Parti Kongres. Masyarakat minoriti seperti Islam dan Sikh digambarkan oleh masyarakat Hindu sebagai penduduk kelas kedua yang memberi cabaran bukan sahaja kepada undang-undang malah cara hidup masyarakat tradisional India.

Masyarakat Hindu yang merupakan masyarakat majoriti di lihat sebagai kelas pertama iaitu pelindung kepada negara dan lambang kepada masyarakat India. Masalah besar yang dihadapi di sini di lihat bahawa senario politik 1990-an menunjukkan peningkatan tekanan daripada masyarakat Hindu dimana cuba berusaha memerintah masyarakat minoriti agama.¹⁸⁴

Senario politik di India menjelang tahun 1990-an adalah lebih radikal berbanding tahun 1950-an. Pada tahun 1950-an, isu bahasa menjadi satu tarikan yang penting. Semasa kempen kemerdekaan, ahli nasionalis India masih terikut dengan pemerintahan British berdasarkan polisi ‘pecah dan perintah’ isu bahasa menjadi satu isu politik yang penting pada masa tersebut.

Masalah bahasa ini bermula sejak zaman kolonial lagi. Bermula pada tahun 1935, dibawah kuasa Syarikat India Timur Inggeris, satu enakmen dibentuk dimana bahasa Inggeris menjadi bahasa politik dan aktiviti ekonomi. Menjelang

¹⁸⁴ Paul R. Dettman, **Tryst with Destiny**, hlm. 82-83.

separuh akhir abad ke-19, bahasa Inggeris menjadi bahasa utama di India dan digunakan sebagai media perhubungan bagi ahli-ahli reformis. Ahli politik India meminta bahasa Inggeris digantikan dengan bahasa ibunda di India. Oleh kerana 14 bahasa utama telah digunakan di India, maka bahasa Hindi telah dipilih menjadi bahasa utama menggantikan bahasa Inggeris atas dasar bahasa Hindi lebih banyak digunakan oleh masyarakat India.

Namun terdapat masalah serius apabila 55% daripada populasi India terdiri daripada masyarakat bukan menggunakan bahasa Hindi. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati penduduk bukan berbahasa Hindi. Ini telah menimbulkan satu bentuk demonstrasi secara senyap dalam masyarakat awam, hartals (penutupan kedai) dan lain-lain lagi.¹⁸⁵

Setelah India mencapai kemerdekaan dan berlaku pemisahan antara India dan Pakistan. Maka kerajaan India mengisyiharkan bahawa agama rasmi kerajaan adalah bahasa Hindi dan kerajaan mengistiharkan sebelas bahasa yang sah dijadikan bahasa tempatan dan bahasa Urdu disenaraikan sebagai bahasa terakhir dalam susunan pengiktirafan.¹⁸⁶

Terdapat kempen-kempen yang dijalankan oleh *Hindi Sahatya Sammelan* sebelum dan selepas kemerdekaan. Mereka menganggap bahawa bahasa Urdu sebagai bahasa orang Islam. Ini jelas dalam slogan-slogan seperti “*Urdu Bill*

¹⁸⁵ Paul R. Dettman, **Tryst with Destiny**, hlm. 78-79.

¹⁸⁶ Ibid., hlm 233.

Murdarabad” dan *Ek Rajya, Ek Bhasha, Nahi Chahiye Dusri Bhasra* (satu negara, satu bahasa, bahasa kedua tidak diperlukan).¹⁸⁷ Sebenarnya orang Islam hanya menuntut supaya bahasa Urdu menjadi bahasa kedua selepas Hindi di kawasan yang mempunyai penutur majoriti. Ia tidak dipersetujui oleh golongan yang fanatik Hindu yang mahu agama India hanya mempunyai satu bahasa rasmi iaitu bahasa Hindi.

Bagi golongan fanatik Hindu, mereka mengambil sikap bahawa India haruslah mempunyai bahasa rasmi iaitu bahasa¹⁸⁸ Hindu yang ditulis dalam skrip *devanagari*. Memberi pengiktirafan serta menerima tuntutan orang Islam serta menjadikan bahasa Urdu sebagai bahasa kedua akan menyebabkan keinginan menjadikan India sebagai ‘negara Hindu’ akan gagal.

Cabarani politik menjadi satu agenda dalam peradaban negara India kontemporari. Dalam melahirkan satu politik yang stabil, kerajaan perlulah memberi hak kebebasan bersuara, dan tidak berlaku diskriminasi dalam pentadbiran. Kestabilan politik boleh diperolehi dari sifat kejujuran, etika dan moral, semangat persaudaraan dan bersatu hati dalam melahirkan satu masyarakat yang kukuh. Keadaan ini tidak berlaku di India pada zaman kontemporari ini..

¹⁸⁷ Mushirul Hasan, *Islam in the Subcontinent*, Manohar, New Delhi, 2002, hlm. 376-377.

¹⁸⁸ Azharuddin Mohamed Dali, ‘Cabarani masyarakat Islam sebagai minoriti dalam Zaman Moden, Dengan penelitian ke atas masyarakat Islam di India Pasca-kemerdekaan’, dalam *Jurnal Yadim*, hlm. 139.

Masyarakat India mengalami senario politik yang membimbangkan pada masa kini. Ini jelas apabila senario sistem politik di India menjelang tahun 1990-an adalah lebih radikal berbanding tahun 1950. Semasa kempen kemerdekaan, ahli nasionalis India masih terikut dengan pemerintahan British berdasarkan polisi ‘pecah dan perintah’. Isu bahasa menjadi isu politik semasa tahun 1950-an.¹⁸⁹

Persaingan politik antara umat Islam dan Hindu berlaku sejak kedatangan Islam ke India lagi. Namun persaingan ini semakin ketara apabila British datang ke India dan menguasai India. Ini jelas dengan penubuhan “*Indian Nasional Congress*” yang ditubuhkan untuk menjadi wadah pergerakan bangsa India yang akhirnya diambil alih oleh orang Hindu dan menjadi wadah kepada mereka. Ini menyebabkan masyarakat Islam menubuhkan “*Muslim League*” yang akhirnya menjadi wadah pemimpin Islam ala Barat.¹⁹⁰

Orang Islam menghadapi cabaran besar selepas pemisahan India dimana pada awalnya umat Islam adalah berjumlah lebih kurang $\frac{1}{4}$ daripada keseluruhan penduduk India. Namun selepas pembahagian, hanya terdapat 110 juta orang Islam yang kekal di India pada tahun 1947 yang tidak mempunyai suara politik. Sejak kemerdekaan, telah berlaku ratusan rusuhan yang membabitkan pertikaian antara orang Islam dan Hindu yang membawa kepada kemusnahan harta benda serta korbannya. Ini jelas dengan peristiwa Masjid Babri yang berlaku pada 6 Disember 1992 dimana pertempuran **Black Sunday** ini telah menyebabkan

¹⁸⁹ Ibid., hlm. 76-77.

¹⁹⁰ Abu Ali Al-Banjari An-Nadwi, **Sejarah Perkembangan Islam di India**, hlm. 234

hampir 2000 orang mati. Peristiwa ini menunjukkan konflik yang hebat antara masyarakat Hindu dan masyarakat Islam.¹⁹¹

Hakikat yang sebenarnya, konflik agama dalam isu politik menjadi senario yang penting sejak awal kemerdekaan lagi dan ia tertumpu kepada Kashmir dari tahun 1948 lagi. Sejak dari situ lagi masyarakat Islam telah memperjuangkan haknya dari pemerintahan Hindu yang membentuk kerajaan India. Akhir tahun 1980-an, konflik ini membawa kepada gerakan militan dimana Kashmir ingin membebaskan diri dari pemerintahan India dan Pakistan. Ini telah membawa kepada penempatan 2/3 daripada Kashmir di perintah oleh tentera India. Keadaan ini telah membawa kepada kematian beribu-ribu pemberontak.¹⁹²

Selain itu, peranan media dan komunikasi menunjukkan isu-isu nasional termasuk Islam. Ia telah disuarakan oleh golongan penulis dan ahli politik. Masyarakat Islam dilihat sebagai satu masyarakat yang teruk. Ini jelas dalam kajian kependudukan dimana penduduk muslim lebih ramai anak, orang muslim terlalu miskin dan mundur, mereka buta huruf kerana tidak ingin belajar membaca dan mereka juga tidak boleh dipercayai. Ini jelas dengan isu Kashmir dimana dalam hati mereka sebagai Pakistan dan mereka dianggap musuh.¹⁹³

¹⁹¹ Rasheeduddin Khan, India: Ancaman Kepada Penyatuan, dalam **Kurier Unesco**, 2:1995, hlm. 29. *Black Sunday* merupakan pemusnahan masjid Ayodhya pada 6 Disember 1992 yang membangkitkan kegemparan di seluruh India. Ia berlaku apabila puak militan Hindu yang sedang merayakan perayaan merosakkan masjid tersebut yang dipercayai mereka sebagai tempat kelahiran wira Veda iaitu Rama.

¹⁹² Paul R. Dettman, **Tryst with Destiny**, hlm. 79.

¹⁹³ Azharudin Mohamed Dali, "Konflik Agama di India" dalam **Pemikir**, April-Jun 2001, hlm. 33-36. Ia menceritakan tentang sepenuhnya peristiwa Masjid Babri yang lebih dikenali sebagai **Black Sunday** yang membawa kemasuhan masjid tersebut dan rusuhan Islam-Hindu.

Masyarakat Islam di India juga berhadapan dengan kehidupan sosial yang begitu besar. Oleh kerana undang-undang syariah tidak diberikan keutamaan di India, maka hal-hal berkaitan dengan hukum-hukum perkahwinan dan penceraian begitu terbuka dan agak bebas. Masyarakat yang melakukan perbuatan yang bercanggah dengan Islam tidak menerima apa-apa tindakan selagi tidak melanggar undang-undang India. Ini jelas dimana sebahagian masyarakat Islam hidup bebas dan melihat agama sebagai satu aspek yang tidak penting. Hal ini jelas apabila kehidupan bintang filem India iaitu Shah Rukh Khan sebagai contoh. Meskipun tetap mengatakan bahawa beliau beragama Islam, namun beliau tidak mengikuti ajaran Islam, mengakui secara terbuka tidak bersembahyang dan berkahwin dengan isteri yang kekal beragama Hindu. Ini menunjukkan tanda kehancuran sistem sosial masyarakat Islam.¹⁹⁴

Pengeluar-pengeluar filem Bollywood sendiri turut bertindak mengeluarkan filem-filem yang menyentuh sensitiviti masyarakat Islam. Pada tahun 1995, sebuah filem berjudul *Bombay* menerima sambutan hebat di India. Filem ini diharamkan tayangannya di beberapa negara termasuk Malaysia dan Singapura. Ia menerima kritikan yang hebat oleh masyarakat Islam di India kerana dikatakan memaparkan pandangan yang salah mengenai masyarakat Islam. Ia menonjolkan bahawa masyarakat Islam lah yang bersalah dalam tragedi di

¹⁹⁴ Ibid., hlm. 141

Bombay pada tahun 1993. Masyarakat Islam digambarkan sebagai golongan ganas yang mencetuskan pergaduhan dan persengketaan.¹⁹⁵

Masyarakat Islam di India hari ini bukan sahaja menghadapi cabaran dari sudut politik, malah ia membabitkan ekonomi, sosial, budaya, pendidikan dan sebagainya. Ini jelas dinyatakan oleh S. Showkat Hussain didalam bukunya *Minorities Islam and the Nation State* dimana masyarakat Islam di India dilihat sebagai minorities yang akan berhadapan dengan cabaran dan tekanan dalam kehidupan mereka. Walaupun perlembagaan India menjamin hak golongan minoriti namun dari segi perlaksanaannya adalah sukar. Ini kerana masyarakat Islam menghadapi cabaran yang gentir daripada masyarakat majoriti itu sendiri.

S. Showkat Hussain juga menulis, '*The various article of the constitution relating to their rights are drafted in such a manner that makes them vulnerable to curtailment through interpretation. The courts have taken them to their logical conclusion*'.¹⁹⁶ Ini menjelaskan dimana kes Shah Bano Begum¹⁹⁷ yang memperlihatkan tentang sedikit sebanyak kehilangan kekredibiliti kerajaan dan bidang perundangan untuk melindungi hak-hak golongan minoriti.

Peranan yang dimainkan oleh media di India juga menjadi halangan utama kepada hubungan Hindu-Islam. Ini jelas dimana akhbar *Gujarat Samachar* dan

¹⁹⁵ Ibid., hlm 142.

¹⁹⁶ S. Showkat Hussain, **Minorities Islam and the Nation State**, hlm. 22.

¹⁹⁷ Kes ini melibatkan Shah Bano Begum VS Mohamad Ahmad yang telah dibawa ke mahkamah untuk memberi penentuan tentang Artikel 44, Perlembagaan India., ibid., hlm. 20.

Sandesh telah menyiaran berita yang menghalang kedamaian. ‘Hutang darah dibalas dengan darah’ menjadi tajuk berita depan dalam suratkhabar *Sandesh* selepas isu rusuhan keretapi Sabarmati. *Sandesh* juga sering melaporkan berita yang bias dimana masyarakat Islam ditunjukkan sebagai penganas sedangkan secara realiti mereka menjadi mangsa. Kawasan yang mempunyai majoriti Islam ditunjukkan sebagai ‘mini Pakistans’¹⁹⁸. Peranan media yang menjadi tulang belakang dalam menyiaran berita telah dijadikan alat propaganda dalam isu Hindu-Islam. Keadaan ini memburukkan lagi keadaan India dalam zaman kontemporari.

Secara jelasnya dapat kita melihat cabaran yang terpaksa dihadapi oleh masyarakat Islam di India pada zaman kontemporari. Cabaran yang dihadapi bukan sahaja dari sudut politik malah sudut lain seperti ekonomi, sosial, akhbar dan sebagainya. Pertelingkahan antara Hindu-Islam akan dapat dielakkan sekiranya satu dasar persefahaman dan toleransi yang tinggi diamalkan oleh kedua-dua belah pihak. Sebagai kelompok majoriti, pengikut agama Hindu terutamanya pemimpin politik pro-Hindu haruslah lebih terbuka dan menghormati semua agama di India.¹⁹⁹

¹⁹⁸ Frontline, 2 Ogos 2002.

¹⁹⁹ Azharudin Mohamed Dali, “Konflik Agama di India” dalam **Pemikir**, hlm. 38.